

## Cungkil potensi pekerja

Link: <http://c.moreover.com/click/here.pl?z7433269554&amp;z=1600249473>

KAPTEN Harimau Muda A, Mahali Jasuli mahu terap ilmu Pembangunan Sumber Manusia dalam kariernya selepas ini. SOALAN (S): Jika anda bukan atlet, anda mungkin seorang... MAHALI JASULI (MJ): Memandangkan saya baru saja menamatkan pengajian dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM), mungkin saya mahu mempraktikkan bidang ini dalam karier yang akan saya ceburi selepas ini. S: Sebagai seorang graduan dalam bidang ini, mungkin anda boleh menjelaskan lebih lanjut mengenainya? MJ: Ia satu bidang penting dalam sesebuah organisasi kerana memberi tumpuan terhadap pekerja yang menjadi nadi organisasi atau syarikat terbabit. Paling penting, pengurus sumber manusia perlu mengenal pasti potensi seseorang pekerja dan menyediakan latihan bersesuaian untuk melahirkan pekerja yang lebih mahir. S: Adakah ini bermakna, anda akan bekerja dengan pihak tertentu atau bekerja sendiri? MJ: Saya bercadang untuk menceburi bidang perniagaan berteraskan sukan dan mungkin boleh menerapkan apa yang saya pelajari untuk meningkatkan potensi bisnes saya. S: Memandangkan 2012 hampir sampai ke penghujungnya, masih adakah misi yang belum tertunai? MJ: Sasaran saya selepas ini adalah Piala AFF Suzuki di mana kami mahu mempertahankan kemenangan. Saya mahu melakukan yang terbaik bersama pasukan untuk memberikan kejayaan buat Malaysia. S: Isu kecederaan bukan perkara asing dalam bola sepak. Apa nasihat anda kepada mereka yang mahu menceburi sukan ini? MJ: Bagi mengelakkan kecederaan, seseorang itu perlu mempunyai disiplin yang kuat, tidur awal, mengambil pemakanan seimbang dan memastikan kecergasan di tahap terbaik. Itu yang penting. S: Memandangkan Piala Malaysia sudah berakhir, apa pandangan anda mengenai saingan piala itu secara keseluruhannya. MJ: Meskipun saya tidak terbabit dengan Piala Malaysia, apa yang saya perhatikan banyak peningkatan berbanding musim sebelumnya, kualiti permainan semakin meningkat dan berjaya menarik lebih ramai penonton, sekali gus menaikkan mutu bola sepak negara. S: Pasukan bola sepak kegemaran anda? MJ: Real Madrid dan Liverpool S: Pemain bola sepak pujaan anda? MJ: Steven Gerrard. Saya kagumi aksinya di padang apatah lagi dengan tugasnya sebagai kapten, yang boleh saya contohi untuk pasukan. S: Makanan kegemaran anda? MJ: Nasi goreng. S: Cenderahati daripada pemain bola sepak luar negara yang pernah anda miliki? MJ: Tiada. Pengalaman bermain dengan pasukan luar negara seperti Arsenal, Liverpool dan Manchester City sudah cukup bermakna buat saya. S: Jika anda tidak bermain bola sepak, anda mungkin ceburi sukan... MJ: Badminton S: Jika diberi peluang menghabiskan masa sehari bersama seseorang, anda memilih untuk bersama... MJ: Tasha Shila. Saya ingin tahu bagaimana rutin hariannya sebagai seorang pelakon. S: Prinsip hidup anda? MJ: Setiap dugaan atau ujian yang datang, pasti ada kemanisan di penghujungnya. S: Jika diberi peluang memiliki super power, anda mahu jadi seperti... MJ: Spiderman S: Matlamat anda dalam tempoh 10 tahun lagi? MJ: Saya mahu bermain di peringkat tertinggi dalam bola sepak dan siapa tahu saya akan bermain di luar negara. Begitupun saya juga mahu meraih beberapa kejayaan di dalam negara seperti Piala FA, Liga Super dan Piala Malaysia selepas menjuang Piala AFF, Sukan Sea dan Liga Perdana. Artikel ini disiarkan pada : 2012/1